

05 DEC 2002

Syed Hamid-Australia/I

M'SIA KAJI PERJANJIAN ANTI KEGANASAN DENGAN AUSTRALIA SEBELUM BERTINDAK

Oleh: S. Retnanathan

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji perjanjian anti keganasan yang dimeterai dengan Australia sebelum mengambil sebarang tindakan ke atas Canberra, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Syed Hamid yakin bahawa perjanjian itu tidak membenarkan sebarang serangan ke atas sasaran pengganas di rantau ini.

"Perjanjian itu tidak membenarkan sebarang serangan ke atas tempat yang dipercayai sarang pengganas, tetapi kita perlu kaji dan mengambil tindakan perlu," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Syed Hamid berkata perjanjian itu tidak membenarkan sebarang campurtangan asing dalam memerangi keganasan di Malaysia kerana ia diusahakan bagi bertukar-tukar maklumat dalam memerangi keganasan yang menghantui dunia hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard Ahad lepas bahawa Australia bersedia menyerang negara Asean jika pengganas merancang menyerang kepentingan negara itu.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membidas kenyataan Howard berkata Malaysia mungkin menimbang semula perjanjian anti keganasan yang dimeterai dengan Canberra Ogos lepas jika Perdana Menteri Australia itu terus mempamerkan sikap tidak sensitif, bongkak dan prejudis terhadap negara lain.

Memorandum itu ditandatangani beberapa hari selepas Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell mencadangkan Malaysia menjadi pusat serantau bagi menangani keganasan.

Ditanya mengenai taklimat yang diberikan oleh Menteri Luar Australia Alexander Downer kepada 10 duta negara Asean di Canberra semalam, Syed Hamid berkata para diplomat terbabit dimaklumkan bahawa wujud salah faham terhadap kenyataan Howard itu.

"Beliau (Downer) telah memberi gambaran seolah-olah kita sudah tersalah faham dengan kenyataan Howard, tetapi jika kita sahaja, boleh dimaafkan tetapi bagaimana ia boleh disalah faham oleh 10 negara.

"Saya berpendapat bahawa kenyataan (Howard) menunjukkan sikap bongkak serta kuasanya tetapi ia sama sekali tidak membantu kepada inisiatif keamanan yang sedang diusahakan dunia," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menemui rakan sejawatannya dari Australia bagi membincangkan isu itu, Syed Hamid berkata beliau sedia menemui Downer untuk "memberitahu mereka tanggapan kita terhadap kenyataan Howard."

Syed Hamid juga berkata beliau menerima panggilan telefon daripada Powell pada 3 Dis lepas dan menggunakan kesempatan itu untuk menyuarakan rungutan mengenai kelewatan dalam pengeluaran visa Amerika Syarikat kepada penuntut Malaysia.

"Perbulan kami berjalan dalam suasana mesra. Beliau (Powell) memberi jaminan bahawa masalah itu akan diatasi tidak lama lagi dan memohon maaf di atas kelewatan mengeluarkan visa kepada para penuntut kita untuk belajar di Amerika Syarikat," katanya.

Syed Hamid berkata beliau turut memberitahu Powell bahawa Malaysia bersedia menghantar para penuntut ke negara lain jika masalah itu berulang.

"Mereka juga tidak mahu penuntut kita pergi ke negara lain dan telah berjanji untuk menyelesaikan masalah itu segera," katanya.

Ditanya mengenai tujuan panggilan telefon itu, Syed Hamid berkata Powell mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepadanya, Dr Mahathir dan semua pemimpin Islam di negara ini.

"Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua kakitangan kedutaan Malaysia di seberang laut. Saya harap mereka akan terus bekerja keras untuk negara," katanya.

Syed Hamid turut mengucapkan Selamat Hari Raya kepada umat Islam di negara ini.

-- BERNAMA

SR SR LAT